



Ruj. Kami : SUKNS.600/1/2/16/4 Jld.2 (8)
Tarikh : 19 Ogos 2020

SENARAI EDARAN SEPerti DI LAMPIRAN

YB/YAA/YBhg. Dato'/Tuan/Puan,

LAPORAN PERMOHONAN MENJALANKAN PEKERJAAN LUAR/ KERJA SAMBILAN BAGI PENJAWAT AWAM DI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN

Saya dengan hormatnya diarah menarik perhatian YB/YAA/YBhg. Dato'/tuan/puan berhubung perkara tersebut di atas dan surat rujukan SUKNS.600/1/2/16/4 (46) bertarikh 18 Disember 2019 adalah berkaitan.

2. Seperti YB/YAA/YBhg. Dato'/tuan/puan sedia maklum, penjawat awam di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan **hendaklah** mendapat kelulusan melakukan pekerjaan luar/ kerja sambilan selaras dengan Peraturan 10, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) (Negeri Sembilan) 2006.

3. Berdasarkan Peraturan 10(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) (Negeri Sembilan) 2006 menyatakan,

Walau apa pun subperaturan (1), seseorang pegawai boleh dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada ketua jabatannya, menjalankan mana-mana aktiviti atau melaksanakan mana-mana perkhidmatan yang dinyatakan dalam subperaturan itu, sama ada bagi faedahnya atau bagi faedah saudara-maranya yang dekat atau mana-mana badan tidak mencari keuntungan yang baginya dia menjadi seorang pemegang jawatan.

Ruj. Kami : SUKNS.600/1/2/16/4 Jld.2 (8)
Tarikh : 19 Ogos 2020

4. Oleh yang demikian, permohonan pekerjaan luar/ kerja sambilan ini perlu mendapat perakuan daripada Timbalan Setiausaha Kerajaan/ Ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit dan kelulusan daripada YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan/ Ketua Jabatan yang mana bersesuaian dengan tempat bertugas hakiki penjawat awam tersebut. Bersama-sama ini dilampirkan borang permohonan menjalankan pekerjaan luar/ kerja sambilan seperti di **Lampiran A.**

5. Pentadbiran ini juga, dalam tindakan mengumpulkan data penjawat awam di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan yang telah mendapat kebenaran menjalankan pekerjaan luar/ kerja sambilan. Justeru itu, jasa baik YB/YAA/YBhg. Dato'/tuan/puan dimohon untuk mengemukakan **Laporan Permohonan Menjalankan Pekerjaan Luar/ Kerja Sambilan Bagi Penjawat Awam di Pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan** yang telah diluluskan mengikut format yang dilampirkan seperti di **Lampiran B** kepada Unit Integriti **pada atau sebelum 15 September 2020 (Selasa)** melalui faks **06-7634043** ataupun emel **integriti@ns.gov.my**. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak YB/YAA/YBhg. Dato'/tuan/puan boleh menghubungi pegawai-pegawai berikut:-

- i. Puan Noorzakiahnum binti Abd Rahman
Tel. : 06-7659017
E-mel : zakiahnum@ns.gov.my
- ii. Cik Hairullafida binti Rusly
Tel : 06-7659045
E-mel : hairullafida@ns.gov.my

Ruj. Kami : SUKNS.600/1/2/16/4 Jld.2 (8)
Tarikh : 19 Ogos 2020

6. Segala perhatian dan komitmen YB/YAA/YBhg. Dato'/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan diucapkan terima kasih.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA'

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' DR. RAZALI BIN AB MALIK)

Setiausaha Kerajaan

Negeri Sembilan Darul Khusus

- s.k.
1. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pengurusan)
Negeri Sembilan Darul Khusus
 2. Ketua Unit
Unit Integriti, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan

LAMPIRAN B**PERMOHONAN MELAKUKAN PEKERJAAN LUAR / KERJA SAMBILAN
BAGI PENJAWAT AWAM DI PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI SEMBILAN****JABATAN/AGENSI : PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN****CONTOH**

BIL.	NAMA DAN NO. KAD PENGENALAN	JAWATAN & GRED	JENIS PEKERJAAN LUAR/KERJA SAMBILAN YANG DILAKUKAN	STATUS KEBENARAN DARI KETUA JABATAN
1	Asmah binti Ali 810704-05-5602	Pegawai Tadbir dan Diplomatik (M41)	Berniaga Online (Makanan & kosmetik)	Telah diluluskan oleh YB Setiausaha Kerajaan pada 2 Januari 2019 No. rujukan SUKNS.(S) 600-1/2/14/2 (3)
2	Ahmad bin Abu 860305-05-5403	Penolong Jurutera (JA29)	Perkhidmatan <i>Grab Car</i> / kereta sewaan & Ejen Hartanah	Telah diluluskan oleh Ketua Jabatan pada 1 Mac 2019 No. rujukan SUKNS.(S) 600-1/2/14/2 (4)
3	Hartini binti Othman 740507-05-6002	Pembantu Tadbir (P/O) (N19)	Penapis Air Cuckoo, Butik & Spa	Telah diluluskan oleh Ketua Jabatan pada 2 April 2019 No. rujukan SUKNS.(S) 600-1/2/14/2 (5)